

19 JUN 2003

Umno-Reaksi (Ekonomi)

DR MAHATHIR TEBUS MARUAH EKONOMI ORANG MELAYU

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Bangsa Melayu harus berterimakasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau telah menebus nasib dan imej orang Melayu dalam bidang ekonomi, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

"Dulu orang Melayu dipandang rendah dan dihina, bahawa mereka hanya layak menjadi nelayan, petani dan duduk di luar bandar. Seolah-olah tiada kemampuan, tetapi Perdana Menteri telah tebus maruah Melayu menjadi setaraf dengan bangsa asing dan sekarang sudah ada syarikat-syarikat Melayu yang berjaya," katanya.

Mengulas ucapan dasar Dr Mahathir selaku Presiden Umno pada perhimpunan agung Umno di sini hari ini, yang menyentuh sikap orang Melayu dalam bidang ekonomi, Jamaludin berkata Perdana Menteri melahirkan rasa bangga dengan pencapaian orang Melayu sekarang tetapi turut menyuarakan kebimbangannya.

Ini kerana orang-orang Melayu masih terlalu bergantung kepada kerajaan dan kontrak-kontrak kerajaan.

Dr Mahathir mahu lebih ramai Melayu dalam sektor swasta dan terus bersaing di arena global kerana Melayu sudahpun berniaga sejak zaman Kesultanan Melaka, katanya.

Sementara itu, pengerusi eksekutif Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) Datuk Mohamed Nadzmi Salleh dalam ulasannya mengenai sikap rakyat Malaysia yang membuat tuntutan lebih berbanding negara-negara maju, berkata lebih banyak usaha perlu dilakukan sebelum rakyat Malaysia dapat memasuki golongan kaya dan maju.

Malaysia masih belum mencapai status negara maju walaupun terdapat banyak perkembangan dan kemajuan dalam bidang ekonominya.

"Dengan per kapita sebanyak US\$4,000, kita masih jauh ketinggalan. Jangan lupa, perjuangan masih belum selesai," katanya.

-- BERNAMA

SHO ZS RON